

EK

MALAYSIA MASIH BAIK UNTUK MELABUR: MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 3 NOV (BE BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERKATA BERDASARKAN FAKTOR SEPERTI KESTABILAN POLITIK DAN KEMANTAPAN EKONOMI, +TIDAK BANYAK NEGARA DI DUNIA SEKARANG YANG BOLEH MENGATASI APA YANG DITAWARKAN OLEH MALAYSIA.+

SEMASA BERUCAP PADA FORUM PENGURUSAN EROPAH (EMF) SELAMA DUA HARI DI SINI, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA WALAUPUN NEGARA INI TIDAK +KAYA+ TETAPI DASARNYA LEBIH BAIK DARIPADA KEBANYAKAN NEGARA KAYA DALAM DUNIA.

BELIAU SEBALIKNYA MENGULANGI HAKIKAT BAHAWA MALAYSIA MASIH MERUPAKAN TEMPAT PALING BAIK UNTUK MELABUR.

BELIAU MEMBIDAS GOLONGAN TERTENTU YANG MENCUBA MENAKUT-NAKUTKAN PELABUR ASING DENGAN MEMBERI GAMBARAN BURUK MENGENAI MALAYSIA.

DATUK DR MAHATHIR SECARA TERUS TERANG JUGA MENYEBUT MENGENAI PERCUBAAN SESETENGAH PIHAK UNTUK MENJEJASKAN USAHA MENARIK PELABURAN ASING SERTA DASAR EKONOMI BARU (DEB).

PERDANA MENTERI BERKATA SEBAGAI NEGARA DEMOKRASI, MALAYSIA SUDAH TENTULAH MEMPUNYAI GOLONGAN YANG TIDAK BERPUAS HATI YANG MENDAKWA APA YANG DILAKUKAN OLEH KERAJAAN DI NEGARA INI SEMUANYA TIDAK BETUL.

MEREKA MEMBERI GAMBARAN YANG BURUK MENGENAI NEGARA INI SEMATA-MATA UNTUK MEYAKINKAN PIHAK BERKENAAN, KATA DATUK SERI DR MAHATHIR.

+JIKA AMALAN DAN DASAR MALAYSIA MEMBOSANKAN, MAKA ITU KERANA PADA UMUMNYA MASYARAKAT BERPENDAPAT PENGEMIS TIDAK BOLEH CEREWET.+

+KITA MAHU PENYERTAAN PELABUR ASING DALAM EKONOMI KITA SEDANGKAN KEBANYAKAN NEGARA MAJU TIDAK LANGSUNG MENGHIRAUKAN PELABURAN ASING.+

+JUSTERU ITU, KITA TIDAK BOLEH MENGAMALKAN PERATURAN DAN SEKATAN BIROKRATIK YANG NAMPAKNYA DIAMALKAN OLEH SESETENGAH NEGARA SEMATA-MATA UNTUK TIDAK MENGGALAKKAN PENYERTAAN RAKYAT ASING.+

MENGENAI RASUAH, DATUK SERI DR MAHATHIR KESAL AKAN KESANNYA JIKA ISU ITU MENJADI TAJUK BUALAN HANGAT BIARPUN TUDUHAN LIAR ITU TIDAK TERBUKTI DAN INI BOLEH MENYEBABKAN PELABUR ASING +LARI+.

BELIAU BERKATA: +BERITA SEUMPAMA ITU TENTULAH TERLALU MENARIK UNTUK TIDAK DIDENGAR JIKA ADA ORANG YANG BERBISIK MENYATAKAN MENTERI ITU DAN INI MENERIMA RASUAH.+

KATANYA, SEBAGAI CONTOH, PERDANA MENTERI DAN MENTERI DARIPADA NEGARA LAIN DATANG KE MALAYSIA UNTUK +MELOBI+ KONTRAK SYARIKAT SWASTA NEGARA MEREKA TETAPI +TIADA SIAPA PUN YANG MENUDUH PERDANA MENTERI DAN MENTERI BERKENAAN RASUAH.+

+TETAPI PERDANA MENTERI MALAYSIA ATAU MENTERINYA HANYA PERLU MENGETUAI ROMBONGAN PERDAGANGAN UNTUK DITUDUH RASUAH DAN TUDUHAN ITU TENTULAH MENJEJASKAN USAHA MEREKA UNTUK MENARIK PELABURAN YANG AKHIRNYA MEREKA MENCUBA MENGELAKKAN MENEMUI KALANGAN PENIAGA.

MENGENAI DEB, BELIAU BERKATA ADA SESETENGAH PIHAK YANG MENCUBA Mencari Kelemahannya dan +JIKA MEREKA TIDAK MENJUMPAI KELEMAHANNYA, MEREKA MEREKA-REKANYA PULA.+

DATUK SERI DR MAHATHIR MEMBIDAS AKHBAR ASING YANG DILAPORKAN MENYIARKAN BAHAWA DEB MENYEBABKAN PELABUR ASING +LARI+ DAN BERKATA +LAPORAN YANG KARUT INI MUNGKIN KERANA AKHBAR ITU MENDAPATI SUKAR UNTUK MENYIARKAN YANG BAIK MENGENAI MALAYSIA.

SEMENTARA ITU BEKAS KETUA PEMBANGKANG TAN SRI DR TAN CHEE KHOON BERKATA MALAYSIA DALAM USAHANYA MENARIK PELABUR ASING TIDAK HARUS MEMBENARKAN DIRINYA DIPERDAYAKAN.

BERCAKAP KEPADA PEMBERITA SELEPAS MAJLIS TERTUTUP ENH ITU, BELIAUBERKATA, KEBANYAKAN SYARIKAT ASING MEMBAWA PULANG KESEMUA KEUNTUNGAN YANG DIPEROLEHI DI NEGARA INI KE NEGARA MEREKA SENDIRI.

DR. TAN BERKATA MALAYSIA TIDAK MEMPUNYAI KAWALAN TERHADAP TUKARAN ASING DAN INI MENYEBABKAN ''PENGHIJRAHAN'' SEJUMLAH BESAR MODAL KE NEGARA ASING.

''SEMENTARA RAKYAT MALAYSIA MENGIKTIRAFKAN KEUNTUNGAN SEBAGAI MATLAMAT PENTING BAGI SEBARANG FIRMA, SYARIKAT-SYARIKAT INI HARUS MELABURKAN SEMULA SEBAHAGIAN DARIPADA KEUNTUNGAN MEREKA DI NEGARA INI DENGAN MEMPERLUASKAN OPERASI SERTA PANGKALAN PASARAN MEREKA, '' KATANYA.

DI SAMPING ITU, MEREKA HARUS MENGANGGAP PEKERJA-PEKERJA TEMPATAN SAMA TARAF SEPERTI YANG TERDAPAT DI NEGARA MEREKA.

DR. TAN JUGA BERKATA, DI FORUM ITU, PARA PENIAGA ASING MENGEMUKAKAN PERTANYAAN BAGAIMANA MALAYSIA MELINDUNGI SYARIKAT-SYARIKAT KALAU ADA USAHA UNTUK MENGHAK MILIK NEGARAKAN.

DI SINI, BELIAU BERKATA, KERAJAAN TELAH MENETAPKAN BEBERAPA GALAKAN SEBAGAI JAMINAN BAGI PELABURAN MEREKA SEPERTI MELANJUTKAN TEMPOH TARAF PERINTIS, PENGECUALIAN CUKAI DAN LAIN-LAIN PERATURAN.

--BE BERNAMA